



SUARA

ePerolehan

medium informasi komuniti ePerolehan



PELANCARAN PROJEK NEXTGEN ePEROLEHAN

PM Lancar Portal Sistem
ePerolehan Mobile

ePerolehan Tarik Minat Tajikistan

EDISI
JAN - DIS 2013

Maklumat ePerolehan Centre Yang Beroperasi

Lokasi	Waktu operasi	Alamat	Hubungi Kami
Putrajaya	Isnin - Jumaat 8:00am – 5:00pm	Kaunter Perkhidmatan ePerolehan Bahagian Perolehan Kerajaan Tingkat Bawah, Blok Utara Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62592 Putrajaya	Tel: 03-8889 1616 Faks: 03-8889 3636 eMail: epc-putrajaya@commercedc.com.my
Petaling Jaya	Isnin - Jumaat 9:00am – 5:30pm Sabtu 9:00am – 1:00pm	eP Centre Petaling Jaya Tingkat Bawah, Wisma Amtek No. 15, Jalan Tandang 46050 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Tel : 03-79857700/7777 Tel: 03-7985 7825 Faks: 03-7985 7877 eMail: epc-pj@commercedc.com.my
UTC KL	Isnin - Ahad 8:30am – 10:00pm	eP Centre @ UTC KL Tingkat 2, Bangunan UTC Kuala Lumpur, Jalan Pudu (Pudu Sentral), 50 100 Kuala Lumpur	Tel: 03-2026 2177 Faks: 03-2026 2181 e-mail : epc-utckl@commercedc.com.my
Ipoh	Isnin - Jumaat 9:00am – 5:30pm	eP Centre Ipoh C-G-11 & C-2-11, Greentown Suria, Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown) 30450 Ipoh Perak	Tel: 05-241 0243 Faks: 05-241 2058 eMail: epc-ipoh@commercedc.com.my
Pulau Pinang	Isnin - Jumaat 8:00am – 5:00pm	eP Centre Penang Tingkat Bawah Bangunan Persekutuan Pulau Pinang Jalan Anson 10300 Pulau Pinang	Tel / Faks: 04-227 8780 eMail: epc-pp@commercedc.com.my
UTC Kedah	Isnin - Ahad 8:30am – 10:00pm	eP Centre @ UTC Kedah Lot 4-6, Aras 4, Bangunan UTC Kedah, Kompleks Majlis Bandaraya Alor Setar, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar, Kedah Darulaman.	Tel: 04-736 0062 Faks: 04-736 0063 eMail: epc-as@commercedc.com.my
Kuantan	Isnin - Jumaat 8:30am – 10:00pm	eP Centre UTC Pahang Tingkat 1, Bangunan UTC Pahang, Jalan Stadium, 25200 Kuantan, Pahang	Tel: 09-512 4049 Faks: 09-512 4048 eMail: epc-kuantan@commercedc.com.my
Kuala Terengganu	Ahad - Khamis 9:00am – 5:30pm	eP Centre Kuala Terengganu Lot 3, 2nd Floor, Bangunan Tabung Haji, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu	Tel: 09-622 2022 Faks: 09-622 2055 eMail: epc-kt@commercedc.com.my
Kota Bharu	Ahad - Khamis 8:00am – 5:00pm	eP Centre Kota Bharu Tingkat Bawah, Wisma Persekutuan Kota Bharu, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu	Tel: 09-743 1022 Faks: 09-743 1140 eMail: epc-kb@commercedc.com.my
Johor Bahru	Isnin - Jumaat 9:00am – 5:30pm	eP Centre JB No. 35, Jalan Harmonium 35/1 Taman Desa Tebrau 81100 Johor Bahru Johor	Tel: 07-361 6071 Faks: 07-3503042 eMail: epc-johorb@commercedc.com.my
UTC Melaka	Isnin - Ahad 8:30am – 10:00pm	eP Centre UTC Melaka Tingkat 3, Bangunan UTC, Jalan Hang Tuah, 75350 Bandar Melaka	Tel: 06 – 333 3333 ext 6010 06-2880017 Faks: 06 – 288 0006 eMail: epc-utcmelaka @commercedc.com.my
Ayer Keroh	Isnin - Jumaat 9:00am – 5:30pm	eP Centre Ayer Keroh Unit No. 9B-17E, No. 35, Jalan TU49A, Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, 75450 Melaka	Tel: 06-231 9084 Faks: 06 – 231 9124 eMail: epc-ayerkeroh @commercedc.com.my

eP Centre Sabah & Sarawak

Lokasi	Waktu operasi	Alamat	Hubungi Kami
Perbendaharaan Malaysia Sarawak	Isnin - Jumaat 8:00am – 5:00pm	Kaunter Perkhidmatan ePerolehan Unit Pendaftaran Bahagian Perolehan Kerajaan Perbendaharaan Malaysia Sarawak Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga 93592 Kuching Sarawak	Tel: 082-424 500 Faks: 082-425 700 EMail: epc-sarawak@commercedc.com.my
Kuching	Isnin - Jumaat 9:00am – 5:30pm	eP Centre Kuching Aras 2 & 3 (West), Wisma STA, No. 26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim, 93450 Kuching Sarawak	Tel: 082-330 354 Faks: 082-330 364 eMail: epc-sarawak@commercedc.com.my
Perbendaharaan Malaysia Sabah	Isnin - Jumaat 8:00am – 5:00pm	Kaunter Perkhidmatan ePerolehan Unit Pendaftaran Bahagian Perolehan Kerajaan Perbendaharaan Malaysia Sabah Tingkat 2, Rumah Persekutuan Jalan Mat Salleh 88592 Kota Kinabalu Sabah	Tel: 088-262 903 Faks: 088-262 044 eMail: epc-sabah@commercedc.com.my
Kota Kinabalu	Isnin - Ahad 8:30am – 10:00pm	ePerolehan Centre UTC Sabah Aras 7, Menara UTC Sabah, Off Jalan Tunku Abdul Rahman 88100 Kota Kinabalu Sabah	Tel: 088-272720 Faks: 088-272760 eMail: epc-sabah@commercedc.com.my
Labuan	Isnin - Jumaat 8am – 5.00pm	ePerolehan Centre Labuan Pejabat Akauntan Negara Cawangan W.P. Labuan Tingkat 5, Blok 4 Kompleks Ujana Kewangan Jalan Merdeka 87000 W.P. Labuan	Tel: 087-411871 Faks: 087-408478 eMail: epc-sabah@commercedc.com.my

EDISI

JAN - DIS 2013

PENASIHAT EKSEKUTIF
MOHAMED BIN JUSOH

PENOLONG PENASIHAT
NOR'AINI ABDUL RAZAK

EDITOR BERSAMA
WAN SITI ESHAH WAN AHMAD

PENOLONG EDITOR
WAN AZWAR ZAIHAN WAN AHMAD
SITI AMINAH OTHMAN

PENULIS
SYARINA MOHD IDRIS
NAJMAN ZAINUDDIN
NOOR BAIZURA DOLAH MOKSIM

PEREKA GRAFIK
MUHAMMAD FAHMI FADZIL
FOTOGRAFI
NAJMAN ZAINUDDIN



SIDANG REDAKSI SUARA ePEROLEHAN

www.eperolehan.gov.my

Taklimat Pembekal Serikan Hari Bertemu Pelanggan ePC Kuching

Program taklimat kepada pembekal sentiasa diteruskan dari semasa ke semasa dalam meningkatkan kecekapan kelangsungan penghantaran bekalan dan perkhidmatan di kalangan pembekal kerajaan di seluruh Negara.

Pada 27 Februari 2013, sesi taklimat bersama pembekal di Sarawak diadakan menerusi Seminar Transformasi Perolehan Kerajaan kepada Pembekal Peringkat Negeri Sarawak yang berlangsung di Akademi Percukaian Malaysia, Kuching.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datu Hajjah Jabidah Monseri, Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak, dengan kehadiran YBhg. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Pengarah Perolehan Elektronik Kerajaan, Kementerian Kewangan.

Dalam taklimat tersebut, YBhg. Dato' Mohd Shafiq memaklumkan bahawa sehingga 31 Januari 2013, jumlah pembekal seluruh Negara yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan adalah sebanyak 110,778 pembekal.

Daripada jumlah itu, 3,488 adalah pembekal berdaftar di Sarawak. Seminar yang dihadiri seramai 340 peserta ini dianjurkan oleh Unit ePerolehan dengan kerjasama Perbendaharaan Malaysia Sarawak dan Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB).

Serentak dengan taklimat tersebut turut diadakan Hari Bertemu Pelanggan ePerolehan Centre (ePC) selama dua hari iaitu 27 dan 28 Februari 2013 bertempat di Wisma STA Kuching.



Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) mengenyepikan saingan sengit Unit ePerolehan (Unit eP) dan Unit Pendaftaran Syarikat (UPS), Kementerian Kewangan untuk kekal johan pada pertandingan boling 2013. Pertandingan yang berlangsung di ARL Superbowl, Alamanda, Putrajaya pada 22 Februari 2013 melibatkan lebih 70 pemain daripada ketiga-tetiga organisasi.


Terbahagi kepada dua sesi, dimana sesi pertama pada 4:30 petang melibatkan YBhg. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Pengarah Projek ePerolehan, Kementerian Kewangan, yang membuat balingan sulung sebagai tanda bermulanya pertandingan. Pertandingan kemudiannya disambung pada pukul 8:00 malam untuk penentuan johan.

Suasana pertandingan amat meriah dengan kehadiran para pemain bersama ahli keluarga mereka.

Pertandingan anjuran CDCSB ini bertujuan mengakrabkan hubungan yang terjalin diantara organisasi yang terlibat.

Dengan jatuhan pin sebanyak 7,177 membolehkan pasukan CDCSB muncul johan yang sekaligus menjulang Piala Pusingan dan diikuti pasukan daripada unit ePerolehan dengan jatuhan pin 6,786. Tetap memberikan saingan hebat dalam pertandingan ini, pasukan UPS menduduki tempat ketiga dengan jatuhan pin 6,461.

Keseluruhan jumlah jatuhan pin berdasarkan kepada tiga pusingan permainan oleh setiap pasukan.



Pelaksanaan program Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) yang pertama telahpun diadakan di Kampung Bawong, Sungai Siput, Perak pada 30 Mac 2013.

Di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Unit Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia bersama-sama menjayakan program tersebut yang bertujuan memberi kemudahan kepada penduduk luar bandar untuk mendapatkan perkhidmatan yang diberikan Kerajaan tanpa perlu berjalan jauh.

Perasmian program ini disempurnakan oleh YB Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II yang berkesempatan berkunjung ke kios Unit ePerolehan dan menanda tangani plak sebagai tanda lawatan beliau.

"Mobile CTC merangkumi lima komponen utama termasuk menyediakan perkhidmatan, memberi peluang keusahawanan kepada penduduk sewaktu program berlangsung dan menghimpunkan rakyat pelbagai peringkat serta kaum melalui sukan, sosial dan sukarelawan," kata YB Dato' Seri Ahmad Husni.

Hadir sama diprogram ini adalah YB Datuk S K Devamany, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Abdul Puhat Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YBhg. Tan Sri Dr. Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dan YBhg. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Pengarah Projek Perolehan Elektronik Kerajaan, Kementerian Kewangan.

Perkhidmatan yang disediakan selain daripada ePerolehan pada program ini ialah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Klinik Bergerak 1Malaysia, Yayasan 1Malaysia Development Berhad (Y1MDB), Majlis Amanah Rakyat (Mara), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Hampir 1,000 orang penduduk kawasan sekitar Kampung Bawong ini hadir yang rata-ratanya mereka terdiri daripada kalangan Orang Asli.



Majlis Pelancaran Projek NextGen ePerolehan dan Anugerah Kecemerlangan ePerolehan Kementerian Kewangan 2013 berlangsung dengan jayanya pada 13 Mac 2013 di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Putrajaya. Acara dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Awang Adek Hussin, Timbalan Menteri Kewangan.

Walaupun baru tiba daripada mengiringi jenazah perajurit yang gugur di Sabah, YB Dato' Dr. Awang Adek sempat meluangkan masa beliau untuk merasmikan pelancaran projek yang memungkinkan anjakan paradigma di dalam urusan perolehan Kerajaan.

NextGen ePerolehan dijangkakan akan memenuhi kehendak pengguna dan menepati tuntutan teknologi semasa pada masa hadapan. Menurut YB Dato' Dr. Awang Adek, projek tersebut adalah bertaraf nasional di dalam Pelan Transformasi Ekonomi Malaysia.

Ketika berucap merasmikan majlis tersebut, YB Dato' Dr. Awang Adek berkata, "berdasarkan kepada persekitaran ekonomi yang dinamik dan mencabar, kita perlu menyedari kepentingan fleksibiliti di dalam perkembangan landskap perolehan Kerajaan melalui sistem elektronik. Sehubungan dengan itu, ePerolehan perlu dipacu, untuk menjadi medium utama membawa Malaysia ke arah Negara maju".

Beliau kemudian menyampaikan Anugerah Kecemerlangan ePerolehan Kementerian Kewangan 2013. Sebanyak 53 anugerah



disampaikan kepada pemenang berbagai kategori. Anugerah utama iaitu Anugerah Perdana eP dirangkul oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana mendapat markah tertinggi di dalam penilaian Anugerah Kecemerlangan eP.

YBrs. Cik Chin Phaik Yoong, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), mewakili KKM menerima anugerah tersebut.



Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Datuk Nozilah Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai tuan rumah. Hadir sama adalah YBhg. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Pengarah Projek Perolehan Elektronik, Kementerian Kewangan, dan Encik Muzafar Kamal Shahaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB).

NextGen ePerolehan dibangunkan dan diusahakan oleh pembangun dan operator Sistem ePerolehan sekarang, CDCSB, sistem perolehan baharu itu akan beroperasi pada 2015.



Kementerian Kewangan Malaysia

Dirasmikan oleh:
YB Dato' Dr. Awang Adek Hussin
 Timbalan Menteri Kewangan



Pada 18 Januari 2013, Surat Pekeliling Perbendaharaan mengenai Perubahan Fi Perkhidmatan Bagi Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan (eP) dikeluarkan dengan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengguna sistem eP mengenai perubahan fi perkhidmatan yang dikenakan bagi perolehan Kerajaan melalui eP.

Berdasarkan kepada arahan yang ditetapkan sebelum ini, penetapan fi perkhidmatan ialah sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem eP dan tertakluk kepada had maksimum RM9,600 bagi setiap transaksi yang bernilai RM 1.2 juta atau lebih. Seperti mana kesemua pihak sedia maklum, kenaikan fi ini akan dikenakan kepada Pembekal/syarikat yang dilantik bagi perolehan yang berkenaan seperti mana yang telah dijelaskan di dalam Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 23 September 2003.

Justeru itu, perubahan fi ini dilakukan dengan mengambil kira keperluan dan penggunaan sistem eP yang semakin luas dan meliputi pelbagai jenis perolehan. Ini di samping meringankan bebas kos yang perlu ditanggung oleh pihak pembekal/syarikat yang juga merupakan nadi utama penggerak sistem eP. Perubahan fi perkhidmatan ini dipinda berdasarkan kepada ketetapan berikut:

(a) **Kadar Fi Perkhidmatan 0.8%**

Kenaan 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM 1.2 juta atau lebih bagi mana-mana perolehan yang melibatkan hanya sekali pembayaran (*one-time payment*); dan

(b) **Kadar Fi Perkhidmatan 0.4%**

Kenaan fi sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800 bagi transaksi yang bernilai RM 1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) sama ada melalui Jadual Penghantaran (*Delivery Schedule*), Pencapaian Perkhidmatan (*Milestone*), Bayaran Kemajuan (*Progressive Payment*) atau mengikut permintaan (*as and when required*) yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.

Pelaksanaan kenaikan fi terbaru ini hendaklah diguna pakai bagi perolehan baru yang diiklankan selepas SPP ini berkuat kuasa dan perlulah dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga/Tender/eBidding dan juga Dokumen Kontrak yang berkenaan. Manakala bagi kontrak yang masih berkuat kuasa perlulah mengambil kira kenaikan fi yang telah dinyatakan di dalam Dokumen Kontrak sedia ada. Namun bagi mana-mana kontrak yang melibatkan tempoh lanjutan atau tambahan nilai bagi kontrak tersebut yang juga melibatkan beberapa kali pembayaran perlulah mengambil kira kenaikan pelaksanaan kenaikan fi yang terbaru ini.



Sistem ePerolehan melakar satu lagi sejarah apabila Perdana Menteri YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak secara rasminya melancarkan portal *ePerolehan mobile* pada 11 April 2013. Sungguh pun jadual beliau ketat, YAB Perdana Menteri meluangkan masa untuk merasmikan pelancaran tersebut di pejabat ePerolehan Centre (ePC), Urban Transformation Centre (UTC) Pahang selepas merasmikan UTC tersebut sebelum itu.



Kesudian YAB Perdana Menteri merasmikan portal ePerolehan berkenaan adalah bukti kesungguhan Kerajaan dalam mentransformasi penyampaian perkhidmatannya khususnya urusan perolehan. Urusan perolehan Kerajaan secara elektronik yang dikenali sebagai Sistem ePerolehan itu adalah penggerak utama perdagangan secara maya negara kita yang sudah pun menjangkau lebih sedekad perkhidmatannya.

Hadir sama pada majlis pelancaran ringkas itu adalah YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Pengarah Projek Perolehan Elektronik, Kementerian Kewangan dan Encik Muzafar Kamal Shahaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif CDCSB.

Seiring dengan perkembangan teknologi dan kehendak semasa, sistem ePerolehan kini boleh dicapai menerusi penggunaan telefon pintar yang biasa digunakan masa kini. Pengguna hanya perlu menaip alamat laman sesawang yang sama, iaitu; www.eperolehan.gov.my menerusi telefon pintar masing-masing dan paparan portal tersebut akan disesuaikan untuk kegunaan telefon pintar secara automatik.

Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) sebagai pembangun dan pengendali sistem ePerolehan untuk Kerajaan dengan Kementerian Kewangan sebagai badan pengawal selia sentiasa memastikan sistem tersebut mengikuti peredaran masa dan teknologi terkini supaya ia dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna.

Sempena perasmian portal *ePerolehan mobile* dan perpindahan ePC Kuantan dari Bangunan Persekutuan ke UTC Pahang, satu taklimat untuk pembekal dianjurkan oleh bahagian Pengurusan Pembekal CDCSB. Taklimat satu hari itu dijalankan dalam dua sesi dan melibatkan hampir 50 orang kesemuanya.



Unit ePerolehan Kementerian Kewangan Malaysia, disokong oleh Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) telah bersama untuk membantu Kerajaan Vietnam di dalam menentukan arah tuju sistem perolehan elektronik negara di utara Asia Tenggara itu.

Kedua-dua organisasi tersebut berkongsi pengalaman dan pengetahuan inisiatif perolehan elektronik Malaysia dengan Kerajaan Vietnam dan beberapa negara lain di rantau ini pada satu persidangan yang dianjurkan oleh Kementerian Perancangan dan Pelaburan Vietnam.

Persidangan yang berlangsung di Hanoi pada 10 Mei 2013, melibatkan lebih 200 peserta yang membincangkan langkah peralihan kepada perolehan elektronik negara Vietnam. Antara organisasi antarabangsa yang terlibat pada persidangan itu adalah World Bank, Australian Government Overseas Aid Programme (AusAid), Asian Development Bank (ADB), Government of Karnataka India dan Public Procurement Service Korea.

Delegasi Malaysia seramai enam orang diketuai oleh Puan Nor'aini Abdul Razak, Timbalan Pengarah Unit ePerolehan telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk **ePerolehan: The Malaysian Government eProcurement**. Kertas kerja berkenaan dibentangkan bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap pelaksanaan projek ePerolehan.



Ia juga bagi berkongsi maklumat mengenai impak dan strategi yang diguna pakai oleh Malaysia dalam menjayakan projek perolehan elektronik negara kita.



Selain menjadi peserta yang membentangkan kertas kerja, penyertaan ePerolehan adalah untuk menimba pengetahuan lebih mendalam pelaksanaan projek perolehan elektronik dari negara-negara lain di rantau Asia. Ia boleh membantu daripada segi **benchmarking** projek ePerolehan dengan sistem-sistem dari negara lain.

Antara dapatan yang dipersetujui persidangan adalah pelaksanaan sistem perolehan elektronik Kerajaan memerlukan sejumlah perbelanjaan yang tinggi meliputi pembangunan sistem, infrastruktur dan pelaksanaan **change management**. Kaedah perkongsian pintar melalui model Awam dan Swasta (Public-Private Partnership Model) yang diadaptasi oleh Kerajaan Malaysia adalah satu model yang diperakui oleh semua peserta untuk memastikan pelaksanaan projek ini berjaya untuk jangkamasa yang panjang.

Yang lebih penting, persidangan tersebut menjadi pembuka jalan kepada ePerolehan untuk menembusi pasaran Vietnam dan menjadi sistem perolehan elektronik yang terpilih bagi negara itu. Penyertaan persidangan seperti ini oleh Unit ePerolehan dan CDCSB banyak memberi manfaat daripada segi menimba pengetahuan dan membuka peluang baharu kepada sistem ePerolehan.





eP Centre UTC Melaka Menyambut Ulang Tahun Pertamanya

Bersempena dengan sambutan ulang tahun pertama Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka, ePerolehan Centre (ePC) di sini turut meraikannya bersama dan majlis berlangsung pada 23 Jun 2013.

Setahun bertapak di UTC Melaka, ePC diberikan ruang untuk mempromosikan perkhidmatan di ruang legar tingkat tiga yang beroperasi mulai pukul 8.30 pagi hingga 10 malam setiap hari kecuali cuti umum.

Majlis pelancaran sambutan ulang tahun pertama ini disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Idris Hj Haron, Ketua Menteri Melaka.

Dalam sesi lawatan ke seluruh bangunan UTC, YAB Datuk Seri Idris menjadikan ePC sebagai persinggahan rasmi beliau dengan mengadakan perbincangan penting bersama para pegawai peringkat persekutuan dan negeri.

Sejurus perbincangan, beliau mengambil masa untuk beramah mesra dengan warga ePC di sini.

Bagi kakitangan ePC UTC Melaka, Nur Aisyah Azmi yang bertugas pada hari itu, kehadiran Ketua Menteri ke pejabatnya adalah tidak disangka.

"Ketua Menteri bukan sahaja membuat lawatan ringkas, malah sempat berbincang dengan beberapa pegawai disalah satu bilik di pejabat ePC. Sudah tentu kami di sini berasa teruja dapat beramah mesra dengan beliau," katanya.

Pihak Unit ePerolehan bersama Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) tidak ketinggalan turun padang meraikan detik bersejarah ini yang dihadiri oleh Encik Ahmad Rizal Ramlan, Penolong Pengarah Kanan, Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Puan Norhisah Mohd Nor selaku Ketua Pegawai Operasi CDCSB.

Berikutan fenomena jerebu yang menyelubungi negeri berkenaan ketika itu, acara dihadkan kepada aktiviti dalam dewan seperti peragaan fesyen muslimah dan muzik gamelan.



Modul eBidding merupakan satu modul yang diwujudkan di bawah sistem ePerolehan sebagai modul tambahan dan pilihan kepada Kementerian/Jabatan untuk membuat pemilihan Pembekal semasa proses perolehan bagi memastikan bekalan atau perkhidmatan diperolehi dengan lebih cepat dan kos efektif. Selaras dengan itu, Kementerian Kewangan mengambil langkah proaktif untuk mengenal pasti produk/perkhidmatan yang bersesuaian untuk menggunakan modul ini dengan mengeluarkan surat edaran bertajuk Bekalan dan Perkhidmatan Yang Sesuai Dilaksanakan Secara eBidding pada 17 April 2013 dalam memberikan panduan yang boleh diguna pakai oleh kesemua pengguna Kerajaan.

Berikut adalah senarai perkhidmatan yang sesuai dilaksanakan melalui modul eBidding :-

Bil.	Item/Perkhidmatan	Catatan
1.	MTO – <i>Multi Transportation Operation</i>	Kontena bagi pengangkutan barang
2.	Pakaian gunasama (bukan untuk keselamatan)	Pakaian sukan
3.	Perabot	<input type="checkbox"/> Jika termasuk dalam Kontrak Pusat Sistem Panel, perlu dipastikan pelawaan dibuat di kalangan syarikat panel sahaja <input type="checkbox"/> Perlu dilaksanakan mengikut zon
4.	Kertas	
5.	ICT – <i>Data Management</i>	Tertakluk kepada <i>off the shelf (ready made)</i>
6.	ICT – <i>Telecommunication</i>	Tertakluk kepada <i>off the shelf (ready made)</i>
7.	ICT – <i>Software Development</i>	Tertakluk kepada <i>off the shelf (ready made)</i>
8.	ICT – <i>Software</i>	Tertakluk kepada <i>off the shelf (ready made)</i>
9.	ICT – Peralatan Komputer	Tertakluk kepada <i>off the shelf (ready made)</i>
10.	Rangsum makanan – daging, roti, jus buah, air mineral	<input type="checkbox"/> Jika item rangsum makanan tersebut termasuk dalam Kontrak Pusat Sistem Panel, perlu dipastikan pelawaan dibuat di kalangan syarikat panel sahaja <input type="checkbox"/> Untuk makanan halal sahaja
11.	Kasut sukan	
12.	Penyewaan mesin fotostat	
13.	Mesin X-Ray	
14.	Alat gas chromatography	Alatan makmal

Di samping memastikan bekalan/perkhidmatan yang bersesuaian menggunakan modul ini, Kementerian/Jabatan bertanggungjawab memastikan perolehan yang dibuat mematuhi kriteria perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui eBidding seperti mana yang dinyatakan di Para 6, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2012 iaitu:

- i. Perolehan bekalan/perkhidmatan yang mempunyai spesifikasi/skop yang standard/seragam iaitu siap untuk diguna pakai dan tidak disuai padan (customized) atau tidak memerlukan penilaian yang kompleks; atau
- ii. Bekalan/perkhidmatan yang diuruskan di bawah sistem panel dan memenuhi ciri di Para 6.(i)

Manakala bagi mana-mana bekalan/perolehan yang tidak dapat memenuhi kriteria yang telah ditetapkan perlulah dilaksanakan melalui modul Sebut Harga atau Tender di sistem eP. Surat edaran ini boleh dimuat turun di portal rasmi eP: www.eperolehan.gov.my



Penambahbaikan Pada Modul Sebut Harga/Tender & eBidding Di Dalam Sistem ePerolehan

☒ **MODUL SEBUT HARGA/TENDER**

Mulai 21 Jun 2013, notifikasi pemberitahuan lantikan melalui e-mel akan dikeluarkan secara automatik kepada Pengerusi dan ahli jawatankuasa yang dilantik sebagai Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan bagi perolehan secara Sebut harga dan Tender yang dilaksanakan melalui sistem eP.

Sehubungan dengan itu, urus setia atau pelulus bagi sebut harga atau tender perlu memasukkan maklumat email bagi Pengerusi dan ahli jawatankuasa bagi Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan yang dilantik.

☒ **MODUL eBIDDING**

Bagi meningkatkan lagi keupayaan sistem eP, penambahbaikan berterusan telah dilakukan kepada modul eBidding. Berikut adalah penambahbaikan yang dilakukan ke atas Modul eBidding berkuat kuasa mulai 23 Januari 2013 :

1. Penyelenggaraan Pendaftaran Kehadiran Pembekal ke Sesi Taklimat/Lawatan Tapak

Urus setia eBidding diberi kemudahan untuk menambah senarai pembekal yang menghadiri taklimat atau lawatan tapak berdasarkan kehadiran pembekal yang sebenar yang telah direkodkan secara manual walaupun penyerahan kehadiran pembekal telah dibuat kedalam sistem.

Walaupun bagaimanapun ia tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- eBidding berkaitan masih belum sampai tarikh tutup Pra Kelayakan
- Surat kebenaran untuk menambah senarai kehadiran pembekal diperolehi

2. Perubahan Paparan Jadual Perbandingan

Bagi memudahkan Agensi membuat perbandingan tawaran pembekal, Jadual Perbandingan telah dipecahkan kepada yang berikut:

- a) Perbandingan Spesifikasi
- b) Perbandingan Harga Pra Kelayakan
- c) Perbandingan Kuantiti

eP Mobile Centre Inisiatif Terbaru Menambah Baik Perkhidmatan ePerolehan



Sempena dengan Hari Terbuka Kementerian Kewangan Malaysia pada Rabu, 3 Julai 2013, Unit ePerolehan melancarkan perkhidmatan kaunter bergerak eP yang dikenali sebagai *eP Mobile Centre*.

Pihak Commerce Dot Com Sdn Bhd CDCSB, telah menyediakan sebuah van disediakan bagi tujuan memudahkan pengguna ePerolehan mendapat maklumat yang berkaitan tanpa batasan sempadan.

Mulai September 2013, perkhidmatan kaunter bergerak ini menemui pengguna di seluruh Semenanjung.

Kelak, pihak CDCSB turut merancang untuk menambah sebuah lagi *eP Mobile Centre*. Ketika ditemubual oleh media, Puan Nor'aini Abdul Razak, Timbalan Pengarah Projek ePerolehan berkata, jadual pergerakan kaunter tersebut akan memenuhi perancangan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (CTC) yang disediakan oleh pihak kementerian.

Selain itu, *eP Mobile Centre* juga mempunyai jadual yang telah dirancang rapi sepanjang tahun bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pengguna.

Pelancaran *eP Mobile Centre* telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II, yang disaksikan sama oleh YB Datuk Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kewangan, YBhg. Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dan YBhg. Datuk Nozirah Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan).

Turut memberi sokongan pada majlis ini juga ialah YBhg. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, mantan Pengarah Projek Perolehan Elektronik, Kementerian Kewangan, Encik Muzafar Kamal Shahaluddin Ketua Pegawai Eksekutif CDCSB dan Encik Madzli Tasrin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Commerce Access Sdn Bhd.

Kios Unit ePerolehan antara yang menjadi tumpuan orang ramai sempena Hari Terbuka kali ini dan pengunjung yang datang berkesempatan menjawab kuiz ePerolehan secara digital iaitu buat pertama kali diperkenalkan.

ePerolehan Ke Udara Bersama BERNAMA Radio

Sebagai satu usaha untuk memperluaskan pengetahuan mengenai sistem yang digunakan oleh Kerajaan untuk berurus niaga dengan pembekalnya, ePerolehan telah ke udara bersama BERNAMA Radio 24 pada 1 Ogos 2013. Diwakili oleh Encik Wan Azwar Zaihan bin Wan Ahmad, Ketua Penolong Pengarah (Dasar), banyak persoalan mengenai sistem dijawab melalui rancangan setengah jam Ala Carte Pagi yang diterajui oleh pasangan Encik Ammar Yusoff dan Puan Raifa Zulkifli.

Pada program yang bermula pukul 9.30 pagi itu, Encik Wan Azwar serba sedikit menceritakan tahun-tahun permulaan sistem ePerolehan serta cabaran yang terpaksa ditempuhi. Beliau juga menjawab soalan daripada kedua-dua peneraju mengenai ciri-ciri yang terdapat pada sistem dan mengapa ia perlu ada.



Suasana di dalam konti program Ala Carte Pagi amatlah bertenaga sekali kerana jelas kedua-dua peneraju amat tertarik dengan topik ePerolehan yang telah menjangkau lebih 12 tahun usianya. Ammar bertanyakan bagaimanakah risiko rasuah terjadi melalui sistem tersebut, yang mana Encik Wan Azwar menjawab peluang untuk rasuah adalah amat kecil kerana sistem ini direka supaya telus dan berintegriti.

Sebelum mengakhiri bicara beliau, Encik Wan Azwar sempat menyentuh sedikit tentang keperluan satu sistem baharu bagi menggantikan ePerolehan sedia ada. Sistem yang sedang dibangunkan itu dikenali sebagai NextGen ePerolehan, adalah lebih mudah dan mesra pengguna apabila dijangkakan beroperasi sepenuhnya pada awal 2015 nanti.

Langkah menyertai program Ala Carte Pagi BERNAMA Radio 24 salah satu kaedah mempromosi ePerolehan melalui penyebaran maklumat penting mengenai sistem tersebut pada khalayak ramai.



ePerolehan Centre UTC Kedah Dijangka Lebih Efisien

Sungguhpun perasmian UTC Kedah dijadualkan agak lewat daripada UTC lain, namun ia tidak menghalang Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak daripada singgah ke ePerolehan Centre (ePC) di situ. Upacara bermula pada pukul 5.00 petang 16 Ogos 2013 yang diangggarkan dihadiri oleh lebih 40,000 pengunjung.

Perdana Menteri yang sepatutnya menghadiri ke acara lain di Sungai Petani pada 6.30 petang sebaliknya meneruskan lawatan keseluruhan bangunan UTC Kedah dan sempat singgah di ePerolehan Centre di situ. Beliau sempat menandatangani plak pelawat yang tersedia dan bersalaman dengan warga kerja yang sedia menunggu.

ePerolehan Centre sudah hampir empat tahun beroperasi di Alor Setar dan asalnya ditempatkan di Wisma Persekutuan, Anak Bukit sebelum memulakan urusniaga di UTC Kedah pada 23 Julai 2013. Lokasi yang strategik di tengah-tengah bandaraya Alor Setar diharapkan dapat memberikan kelebihan kepadanya untuk menjangkau kepada lebih ramai komuniti ePerolehan di negeri ini.

Turut hadir ketika lawatan Perdana Menteri ke ePerolehan Centre adalah Encik Mohamed Jusoh, Pengarah Projek Perolehan Elektronik Kementerian Kewangan, Puan Nor'aini Abdul Razak, Timbalan Pengarah Unit ePerolehan, dan Encik Muzafar Kamal Shahaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif Commerce Dot Com Sdn Bhd.

Waktu operasi ePerolehan Centre UTC Kedah adalah dari pukul 8.30 pagi hingga 10 malam setiap hari kecuali pada cuti umum yang ditetapkan.

